

30 AUG 2001

Mahathir-perutusan

DR MAHATHIR AJAK RAKYAT MALAYSIA BAHARUI KOMITMEN PERTAHAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak seluruh rakyat Malaysia memperbaharui komitmen untuk terus bersatu padu dan bersama-sama bergerak memajukan dan mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka.

Perdana Menteri berkata Malaysia adalah hak semua rakyat Malaysia, sama ada kaum Bumiputera atau bukan Bumiputera, dan mereka berhak berbangga dengan pencapaian negara.

"Malaysia adalah negara kita, hak kita. Marilah kita mempertahankannya agar kita dapat terus merdeka, bebas, berdaulat, maju dan makmur dan terus dihormati oleh masyarakat dunia," katanya dalam perutusan sempena Hari Kemerdekaan ke-44 yang akan disambut esok.

Ucapan Perdana Menteri itu turut disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen.

Dr Mahathir dalam perutusannya melahirkan penghargaan kepada semua rakyat Malaysia khususnya pasukan keselamatan serta petugas-petugas kerajaan yang lain, kakitangan kerajaan dan swasta serta pelajar dan penuntut sekolah dan universiti di dalam dan luar negara.

"Bagi pihak kerajaan, saya ucapkan berbilang terima kasih kerana sumbangan tidak ternilai terhadap kestabilan, kemajuan dan pembangunan negara yang bertuah dan tercinta ini," katanya.

Dr Mahathir berkata semua rakyat tentunya berasa bertuah dan bersyukur kerana dalam masa yang singkat, Malaysia telah mencapai tahap kemajuan yang membanggakan, malahan ia aman dan mampu menangkis bermacam-macam serangan terhadap ekonomi dan politiknya.

Katanya pada tahun ke-44 rakyat Malaysia merayakan kemerdekaan negara, mereka masih boleh bergembira malah majoriti rakyat tahu bersyukur dan sedar akan nikmat hidup di negara ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia masih aman malah ekonomi juga masih baik manakala hubungan antara kaum masih harmoni.

"Kita bebas daripada cengkaman agensi-agensi antarabangsa dan kuasa besar. Ringgit kita stabil dan mempunyai nilai yang berpatutan, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Rizab negara mampu menampung lebih daripada tiga bulan nilai import. Pasaran saham juga sihat dan inflasi kurang 3 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang termaju dan dianggap sebagai contoh kepada negara-negara membangun yang lain adalah hasil kerjasama rakyat Malaysia daripada semua kaum sehingga membolehkan pentadbiran dilakukan dengan berkesan.

Beliau berkata walaupun pembangunan di negara ini adalah menyeluruh, masih terdapat kawasan terpencil terutama di Sabah dan Sarawak yang belum mempunyai kemudahan seperti air dan elektrik, jalan tar, sekolah, klinik perubatan dan kemudahan telefon.

"Kita tidak mungkin hidup dengan cara asli kita tetapi perlu berubah untuk menikmati kemudahan yang canggih dan moden," katanya.

Perdana Menteri berkata Kuala Lumpur sebenarnya sudah bertaraf negara maju kerana dilengkapi dengan segala kemudahan moden seperti kereta api elektrik, jalan bertingkat, pusat membeli belah yang memasarkan barangan dari seluruh dunia serta taman yang indah dan dicahayai lampu yang terang.

Begitupun, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menafikan, masih terdapat setingan dan penduduk miskin di bandar-bandar, yang tidak mempunyai kemudahan asas tetapi tidak kurang juga setingan yang mempunyai kemudahan

asas termasuk memiliki siaran ASTRO, sebuah siaran televisyen berbayar.

"Sebenarnya tidak ada negara yang maju di dunia yang tidak mempunyai rakyat yang miskin dan merana," katanya.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia, yang mencemuh kejayaan yang dicapai negara dengan menimbulkan kemiskinan golongan tertentu, tidak lagi berbuat demikian sebaliknya bertanya mengapa ada rakyat Malaysia yang miskin sedangkan terdapat dua juta rakyat asing meraih pendapatan yang lumayan.

"Tidak mungkinkah kita mengganti dan membuat kerja-kerja yang dibuat oleh orang asing ini dan meraih pendapatan yang baik bagi kita? Kenapakah ada pengangguran di kalangan rakyat Malaysia sedangkan peluang kerja dapat menampung keperluan rakyat asing?" katanya.

Sebenarnya, kata Dr Mahathir, jika rakyat Malaysia sanggup merebut walaupun sebahagian sahaja daripada peluang yang terbaik yang ditawarkan, tidak akan ada seorangpun rakyat Malaysia yang akan menggugur.

Beliau berkata terdapat juga rakyat Malaysia yang tidak mahu mengiktiraf keIslaman negara ini kerana ingin memupuk perasaan kebencian kepada musuh politik sedangkan dunia Islam bukan sahaja mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam malahan menjadikan Malaysia contoh kepada negara Islam yang lain.

"Kerana kepentingan politik mereka terus menafikan keIslaman Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun mereka memandang ringan terhadap penafian KeIslaman Malaysia, ada anggota dan pengikutnya yang fanatik mengadakan pasukan ketenteraan untuk merebut kuasa dan menggulingkan kerajaan yang sah.

"Kerana percaya kepada dakwaan pemimpin politik yang berkepentingan, kerana yakin perbuatan mereka dihalalkan, bahkan diwajibkan oleh agama Islam, kerana tidak yakin sistem demokrasi akan berjaya memberi kemenangan kepada puak mereka dan kerana inginkan impian negara Islam khayalan mereka dicapai, hari ini mereka terpaksa menghadapi undang-undang negara bagi orang yang melakukan jenayah bersenjata," katanya.

Perdana Menteri berkata adalah malang kerana terdapat pihak lain turut menjadi mangsa penafian keIslaman negara dan kebencian yang disemai oleh parti politik berkenaan.

Katanya fikiran generasi muda Melayu diganggu oleh perasaan kebencian manakala pensyarah dan guru tidak dapat menyampaikan pelajaran dan ilmu sebaliknya terlibat dengan penyemaian rasa kebencian terhadap pihak tertentu.

Yang lebih malang lagi guru agama yang dipertanggungjawabkan membentuk peribadi Islam mulia dan mengemaskan pegangan agama, telah mengetepikan tanggungjawab itu sehingga aqidah dan iman pelajar dan anak muda menjadi lemah sehingga berlaku keruntuhan akhlak dan moral yang ketara, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus maju hasil usaha kecekapan kaum lain tetapi orang Melayu menjadi semakin mundur jika mereka tidak berusaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kecekapan dan kekuatan politik.

Menyentuh tentang hubungan luar, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak memihak kepada mana-mana blok tetapi berbaik-baik dengan semua negara.

Katanya sikap bebas dan kelantangan Malaysia menyuarakan ketidakadilan menyebabkan ia tidak disenangi pihak tertentu khususnya media asing yang sering mencemuh dan memburukkan imej negara.

Beliau berkata negara yang sebelum ini menganggap Malaysia tidak demokratik kini berusaha membaiki hubungan dan mengakui kebenaran serta kewarasan tindakan dan pegangan negara terhadap prinsip peraturan dan undang-undang.

Negara yang mengharap kejatuhan kerajaan pula telah sedar bahawa yang mungkin mendapat kuasa dan menggantikan kerajaan Malaysia ialah puak

ekstremis yang memperalatkan Islam dan hubungan dengan puak ekstremis ini tidak mungkin lebih baik daripada hubungan pemerintah yang ada sekarang, katanya.

"Malaysia adalah sebuah negara demokratik. Rakyat Malaysia sahaja yang berhak menentukan siapa yang akan memerintah negara bertuah ini," katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan seluruh rakyat Malaysia supaya menguasai ilmu teknologi maklumat bagi menghadapi cabaran globalisasi.

-- BERNAMA

HS HS MAI